

Perubahan untuk manfaat rakyat

TUANKU, Johor dikenali sebagai negeri paling susah memberikan gelaran 'Datuk'. Apa reaksi Tuanku terhadap cakap-cakap terlampaui banyak 'Datuk' sekarang?

SULTAN IBRAHIM: Beta boleh beritahu kamu begini. Beta sedar orang ramai mengatakan begitu sehingga jika kamu membaling batu, ia akan terkena Datuk tetapi beta boleh tambah ini - jika kamu baling batu sekarang, ia akan terkena Datuk; ia akan melantun dan mengenai Datuk yang lain. Itulah situasi sekarang dan kita tidak boleh menidakkannya cakap-cakap begini. Kita mesti merasai denyut nadi rakyat.

Beta tidak mahu bercakap mengenai negeri-negeri lain. Orang cakap pasal membeli darjah kebesaran. Beta tidak mahu cakap pasal itu tetapi beta boleh beritahu kamu di Johor, kita tidak anugerahkan darjah kebesaran dengan mudah.

Sekiranya terlampaui banyak darjah kebesaran diberikan, ia akan hilang nilai. Orang tidak lagi akan menghormati kamu. Orang akan tanya dari negeri mana kamu dapat darjah kebesaran itu dan institusi (raja) akan menerima kesan dalam jangka panjang.

Kita tidak mahu Malaysia menjadi negara dengan orang mempunyai gelaran paling banyak. Sudah pasti, ia tidak akan berlaku di Johor selagi beta ada.

Ada dakwaan mengatakan Tuanku merancang membuka kasino di negeri ini.

SULTAN IBRAHIM: Beta tahu ada cakap-cakap dan spekulasi Tan Sri Vincent Tan dan beta merancang bekerjasama untuk membuka kasino, selepas beta membeli saham Berjaya hanya kerana beliau mempunyai lesen (Sports Toto).

Beta boleh beri jaminan selagi beta ada, tidak akan ada kasino di Johor. Di Johor, kita tidak galakkan pengeluaran sebarang lesen judi dan jika boleh, beta mahu yang (judi) haram dibersihkan oleh polis.

Banyak pembangunan tidak dirancang yang tidak ada dalam Pelan Induk Iskandar Malaysia berlaku di Johor. Mengambil kira keadaan ini, apakah Tuanku mahu melihat kelulusan pembangunan hartanah di negeri ini dibekukan?

SULTAN IBRAHIM: Ia terletak kepada Menteri Besar untuk membuat keputusan tetapi

MUKADIMAH

ESOK merupakan detik yang akan mengulangi sejarah kegemilangan kesultanan negeri Johor apabila SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR akan dimahkotakan sebagai Sultan Johor kelima.

Kali terakhir upacara kemahkotaan Sultan Johor diadakan 55 tahun dahulu.

Bersempena dengan upacara kemahkotaan itu, Sultan Ibrahim memberikan wawancara eksklusif dengan akhbar *The Star* baru-baru ini.

Berikut petikan wawancara itu.

sebagai Sultan, beta mahu melihat pembangunan seimbang. Beta tidak mahu melihat Johor Bahru diisi dengan bangunan sahaja. Rakyat perlu mendapat manfaat daripada apa jua bentuk pembangunan.

Rakyat biasa Johor mesti merasai kesan limpahan (ekonomi) kerana beta mahu rakyat mendapat manfaat daripada segala perubahan yang berlaku ini. Beta juga sedar tentang rungutan di bawah bahawa rumah menjadi terlalu mahal terutama kepada golongan miskin.

Beta harap kerajaan akan mempercepatkan pembinaan 28,000 rumah mampu milik di negeri ini terutama kepada pembeli pertama.

Ada dakwaan mengatakan Tuanku menggunakan kuasa Tuanku untuk mendapatkan tanah negeri. Apa penjelasan Tuanku?

SULTAN IBRAHIM: Beta boleh berikan kamu jumlah tanah yang telah diperoleh (kerajaan) negeri daripada beta, daripada yang sebaliknya. Di Pengerang, (kerajaan) negeri mendapat tanah beta. Dalam beberapa kes, ia berakhir dengan beta membayar (kerajaan) negeri kerana mereka tidak mampu membayar beta selepas memperoleh tanah tersebut.

Apabila kerajaan membina Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin serta perlu merobohkan flat Bukit Chagar dan Lumba Kuda, beta memberikan tanah beta di Bakar Batu sebagai tapak alternatif kepada penduduk berkenna.

Bahkan saiz ladang beta di Paloh sekarang mengecil kerana kerajaan negeri perlu ia untuk membina empangan Kahang bagi menyalurkan air kepada penduduk Kluang.

Ada salah tanggapan kerana

beta tidak perlu mengambil tanah kerajaan negeri. Beta tidak pernah meminta apa-apa dengan percuma kerana beta sedia membayar pada harga atas nilai pasaran dan secara tunai.

Beberapa syarikat pemaju hartanah dari China melancarkan projek hartanah berskala besar di Johor. Sebagai contoh, sebuah syarikat pemaju melancarkan 9,000 unit sekali gus dan kebanyakannya dijual kepada pembeli dari China. Tetapi banyak unit belum terjual lagi. Ada kebimbangan projek hartanah ini terlebih bina dan mungkin menyebabkan wujud 'bandar hantu'. Pemaju hartanah tempatan juga mendakwa pemaju luar negara diberikan keutamaan.

SULTAN IBRAHIM:

Kebimbangan terhadap rumah terlebih bina cuma satu andaian. Semua rumah ini tidak akan dibina serentak. Kenapa salahkan China kerana melabur di negeri ini? Pada masa ini, 80 peratus hartanah di London dimiliki orang asing.

Beta tidak fikir pemaju hartanah China membina rumah ini dan kemudian membiarkan ia kosong. Adakah kamu fikir pemaju China ini tidak mempunyai pengiraan mereka, termasuk pengembalian modal dan jangkaan pulangan terhadap pelaburan?

Sebahagian orang bercakap tentang terlalu banyak pembinaan hartanah bangunan tinggi di Johor Bahru. Pemaju China tidak akan membina 80,000 unit secara serentak. Hanya 8,000 sedang dibina sekarang. Apa pun, tidak semua pembeli rumah ini dari China kerana ada juga pembeli tempatan terutama dari Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Ada juga pembeli dari Singapura.

Masa hadapan ialah di Johor

kerana rakyat Singapura, bukan hanya China, akan membeli rumah di Johor. Harga rumah di Singapura pun sudah melebihi kemampuan rakyat biasa Singapura.

Ia merupakan isu politik apabila rakyat golongan pertengahan merasakan mereka tertekan. Di Malaysia yang ada banyak tanah pun, orang muda sukar memiliki rumah terutama di Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Apabila semua sistem hubungan (pengangkutan) tersedia, ia akan menjadi perkara biasa bagi rakyat Singapura tinggal di Johor dan bekerja di Singapura. Itu pada masa hadapan.

Beribu-ribu penduduk Hong Kong dan ekspatriat, termasuk rakyat Malaysia yang beta tahu, tinggal di Shenzhen tetapi berulang-alik pergi kerja setiap hari. Kita bercakap tentang melabur untuk masa hadapan dan pelabur China ini amat memahami senario di Hong Kong dan Shenzhen. Lebih 200,000 orang menyeberang ke Shenzhen setiap hari dalam 45 minit sahaja. Beginilah budaya rentas-sempadan telah berubah dengan dramatik.

Beta fikir pemaju hartanah tempatan perlu bekerja dengan lebih kuat. Beta percaya persaingan sihat antara pemaju adalah baik untuk industri.

Apakah Jumaat dan Sabtu kekal sebagai cuti hujung minggu kepada kakitangan awam atau sebagai negeri sedang pesat membangun, bercadang tukar kembali kepada Sabtu dan Ahad untuk bersaing di peringkat antarabangsa terutama dalam menjalankan urusan perniagaan dengan Singapura. Atau apakah sektor swasta juga perlu menukar cuti hujung minggu kepada Jumaat dan Sabtu?

SULTAN IBRAHIM: Ia sudah lebih setahun sejak Johor mengubahkan cuti hujung minggu kepada Jumaat dan Sabtu. Matlamat perubahan ini bagi membolehkan umat Islam menunaikan solat Jumaat tanpa perlu tergesa-gesa kembali ke pejabat.

Beta faham ia mempunyai implikasi terhadap sektor swasta termasuk dalam menjalankan perniagaan dengan Singapura. Beta masih dalam proses mengumpul maklum balas daripada sektor awam dan swasta.